

NAMA PROJEK : PAKEJ AMALAN TEKNOLOGI FLORIKULTUR

BUTIRAN PROJEK : P21 03500 100 0008

I. LATAR BELAKANG PROGRAM/PROJEK

Industri bunga-bunga telah dikenalpasti sebagai satu industri yang berpontasi sebagai sumber pertumbuhan baru bagi memperluaskan asas pertumbuhan sektor pertanian Negara. Industri bunga – bunga menawarkan berbagai jenis produk termasuk bunga keratan, bunga berpasu (*potted plants*), bunga dan dedaun awetan serta pokok-pokok hiasan.

Pada Tahun 2010, nilai eksport bunga-bunga negara adalah sebanyak RM 298 juta (sehingga Oktober 2010) berbanding tahun 2009 iaitu RM 282 juta, 2008 sebanyak RM 239 juta dan tahun 2007 sebanyak RM 198 juta. Seperti yang diunjurkan dalam Dasar Pertanian Negara (DPN3), permintaan yang tinggi dan peluang-peluang eksport produk bunga-bunga akan menggerakkan pertumbuhan industri bunga keratan di Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk membangunkan industri florikultur adalah membangunkan nurseri bunga komersil, membangunkan industri bunga keratan secara komersil, promosi bunga dengan melibatkan pameran dan promosi, latihan dan konsultansi termasuk menjalankan ujian *Distinctness, Uniformity and Stability (DUS)* bunga dan Amalan Pertanian baik (APB) dalam industri florikultur.

Projek ini melibatkan penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur, bahan input pertanian, peralatan, teknologi pengeluaran dan juga kemudahan bagi aktiviti pasca tuai. Tumpuan golongan sasaran ialah petani, belia dan juga usahawan tani.

II. OBJEKTIF PROGRAM/PROJEK

Tumpuan projek ini adalah untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan mewujudkan pengusaha bunga-bunga yang berpengetahuan melalui aktiviti-aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi yang dilaksanakan.

Objektif projek adalah untuk :

1. Meningkatkan pengalaman teknologi terkini dikalangan pengusaha-pengusaha industri florikultur bagi meningkatkan pengeluaran komoditi bunga-bunga secara besar-besaran dan membolehkan Negara beranjak daripada kedudukan semasa bagi menambah nilai eksport dan mengurangkan import komoditi di atas.
2. Menggalakan perkembangan industri bunga keratan dengan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengamalan teknologi terkini industri florikultur.

3. Menggalakan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengeluaran benih/bahan tanaman berkualiti dan bebas penyakit daripada varieti terpilih melalui pengamalan teknologi terkini.

III. KOMPONEN DAN SKOP PROGRAM/PROJEK

Projek ini merangkumi dua (2) subprojek iaitu :-

1. Perladangan Bunga Keratan Orkid Secara Komersil
2. Pengurusan Nurseri Bunga dan Taman Hiasan Secara Komersil

1. Perladangan Bunga Keratan Orkid Secara Komersil.

Industri Orkid mula berkembang pada tahun 1970 dan sekarang Orkid telah menjadi salah satu komponen penting dalam industri florikultur di Malaysia . Hibrid bunga keratan orkid Malaysia terdiri daripada empat kumpulan utama iaitu Mokara, Vanda, Dendrobium dan Oncidium. Malaysia sangat menyerlah dalam menghasilkan kumpulan Vanda untuk pengeluaran bunga keratan.Kumpulan ini mengandungi hybrid dari genera Arachnis, Aranda, Aranthera, Vanda dan Mokara.

Kebanyakan hybrid Dendrobium untuk bunga keratan diimport dari Thailand dan Singapura kerana program pembiakbakaan di Negara tersebut telah kukuh. Walau bagaimanapun Malaysia mempunyai persaingan yang lebih kompetitif dengan Thailand dalam pengeluaran hybrid Dendrobium disebabkan iklim Malaysia yang lembab sedangkan Thailand mengalami musim kemarau di awal tahun yang akan mempengaruhi mutu pengeluaran Dendrobium. Terdapat beberapa hybrid Dendrobium dibiakbaka secara tempatan tetapi pengeluarannya adalah yang berjenis kecil atau untuk Orkid berpasu. Permintaan kepada kedua-dua jenis ini telah meningkat popular dalam pasaran tempatan dan luar Negara.

Di bawah RMK 10, Jabatan Pertanian akan memberi tumpuan pada pengeluaran keratan Orkid khususnya bagi tujuan eksport ke luar negara. Di bawah program ini peruntukan sebanyak RM 50,000/ha/peserta bagi keluasan minimum 0.2 ha akan disediakan bagi tujuan pembangunan kawasan, kemudahan infrastruktur asas seperti rumah teduhan, sistem pengairan dan juga bahan input. Bagi tahun 2012-2013 dianggarkan kawasan seluas 15 ha (2012- 5ha dan 2013-10ha) di negeri Johor, Selangor dan Perak akan dibangunkan dengan anggaran keperluan peruntukan berjumlah RM750,000.

2. Pengurusan Nurseri Bunga dan Tanaman Hiasan Secara Komersil.

Industri pokok hiasan landskap adalah satu industri tempatan yang besar dalam pasaran tempatan dan juga untuk eksport, utama ke Singapura. Pembinaan infrastruktur yang rancak terutamanya dalam industry perumahan dan bangunan menyebabkan permintaan terhadap pokok hiadan untuk landskap juga meningkat. Ini adalah hasil daripada peruntukan perundangan yang meletakkan syarat agar 10% daripada keluasan kawasan pembangunan perlu disediakan sebagai kawasan lapang dan kawasan rekreasi yang mesti dilandskapkan. Pokok-pokok ini termasuklah kumpulan pokok-pokok teduhan, pokok-pokok renek dan tanaman penutup bumi. Nurseri-nurseri yang besar terdapat di Johor manakala nursery secara kecilan berselerak di seluruh Negara seperti yang terdapat di Sungai buloh, Selangor.

Di bawah RMK 10, Jabatan Pertanian akan member tumpuan pada pengurusan nurseri bunga dan tanaman hiasan secara komersial. Di bawah program ini peruntukan sebanyak RM 40,000/ha/peserta bagi keluasan minimum 0.2 ha akan disediakan bagi tujuan pembangunan kawasan, kemudahan infarastruktur asas seperti rumah teduhan. System pengairan dan juga bahan input.

Bagi tahun 2012-2013 dianggarkan kawasan seluas 20ha (2012 -5ha dan 2013-15ha) di negeri Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Kelantan, Pahang, Perak,Perlis dan Pulau Pinang akan dibangunkan dengan anggaran keperluan peruntukan berjumlah RM800,000.